

Perez anggap Mahathir negarawan berjasa besar

CARACAS 3 Ogos — Presiden Venezuela, Carlos Andres Perez menyifatkan Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad sebagai seorang negarawan yang bukan sahaja telah berjasa kepada negaranya sendiri, Malaysia, bahkan juga kepada masyarakat antarabangsa melalui daya pemikirannya yang tinggi dan pandangan yang jauh terhadap usaha untuk menjamin masa depan yang lebih sempurna bagi kehidupan manusia sejagat.

Beliau berkata, Dato' Sri Dr. Mahathir merupakan satu-satunya pemimpin yang telah berjaya merubah corak pemikiran negara-negara membangun di Dunia Ketiga dengan memberikan suatu nafas baru untuk bersatu tenaga membela nasib sendiri di samping berusaha mengikiskan sikap konfrontasi dan bermusuhan terhadap negara-negara maju di utara untuk membuka pintu perundingan yang lebih bermakna.

"Melalui pandangan jauh Dato' Sri Dr. Mahathir Dunia Ketiga kini mempunyai perspektif yang cerah sebagai haluan bagi negara-negara di Selatan meningkatkan pertumbuhan ekonomi sendiri sambil menghadapi pergolakan ekonomi dunia. Kita semua terutang budi kepadanya," tegas beliau ketika berucap di majlis penyampaian darjah-darjah kebesaran di Istana Miraflores di sini malam tadi.

Presiden Perez telah menganugerahkan kepada Perdana Menteri darjah pejuang pembebasan *The Order of The Liberator* iaitu darjah yang tertinggi kerajaan Venezuela untuk ketua-ketua kerajaan asing, sebagai menghargai jasa-jasa Dato' Sri Dr. Mahathir itu.

Sebagai membalasnya Perdana Menteri telah menyampaikan Darjah Mahkota Negara (DMN) kepada Presiden Perez yang dianugerahkan oleh Yang di-Pertuan Agong.